

15/03/1999

PM puas hati kampung baru

KUALA LUMPUR, Ahad - Pembukaan kampung baru bagi menempatkan penduduk luar bandar yang diancam penganas komunis pada 1950, terbukti membawa kesan baik terhadap pembangunan masyarakat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai di kampung baru sejak era komunis sehingga hari ini.

"Hari ini kita melihat bagaimana kampung baru berkembang pesat dengan begitu banyak kedai baru, industri, rumah, sekolah dan pelbagai kemudahan disediakan," katanya di hadapan lebih 30,000 rakyat yang menyertai perhimpunan sempena ulang tahun ke-50 Kampung Baru Jinjang di sini, hari ini.

Penduduk berhimpun di padang awam di situ sejak awal pagi bagi menyambut ketibaan Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Pelbagai pertunjukan juga diadakan termasuk nyanyian kanak-kanak dan tarian naga.

Dr Mahathir berkata, ketika Malaysia memperkenalkan konsep kampung baru, ada pihak terutama dari Barat memberi pandangan negatif termasuk menganggapnya sebagai kem tahanan.

"Ketika saya berada di Universiti Harvard, Amerika Syarikat pada 1964, ada seseorang bertanya berapa banyak kampung baru ada di Malaysia ketika itu.

"Saya menjawab ada lebih 100 kampung baru. Beliau terperanjat dan berkata Malaysia ada lebih 100 kem tahanan seperti yang berlaku di Jerman di mana kaum Yahudi diseksa tentera Nazi," katanya.

Beliau menjelaskan keadaan itu tidak berlaku, sebaliknya kampung baru adalah sebuah penempatan yang aman dengan pelbagai kegiatan penduduk.

(END)